

25/01/2005

ATF-Agenda

PERBINCANGAN MENTERI PELANCONGAN ASEAN+3 BERMULA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 25 Jan (Bernama) -- Menteri-menteri Pelancongan Asean hari ini mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan mereka dari negara rakan Asean iaitu China, Jepun dan Korea Selatan (Asean+3) untuk memperbaharui kerjasama serta meningkatkan hubungan dalam bidang pelancongan.

Selain menyemarakkan aktiviti pelancongan di rantau ini, pertemuan mereka pada Forum Pelancongan Asean (ATF) ke-24 di pulau lagenda ini juga bertujuan merangka program yang bakal diadakan sepanjang tahun ini.

Menurut aturcara yang diedarkan sekretariat ATF di sini, satu persidangan berita akan diadakan pada akhir mesyuarat tertutup itu petang ini untuk merumuskan hasil perbincangan yang dicapai.

Sepuluh negara Asean yang mengambil bahagian pada perbincangan itu ialah Malaysia, Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Rakyat Lao, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Forum yang bertemakan "Anjakan Paradigma - Memakmurkan Rantau Ini", menghimpunkan lebih 1,000 peserta terdiri daripada wakil persatuan pelancongan dan pengembaraan Asean, penjual dan pembeli produk dan perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan negara-negara Asean serta wartawan dari lebih 50 negara.

Ini merupakan kali kelima Malaysia menjadi tuan rumah kepada ATF selepas tahun 1981, 1987, 1992 dan 1997.

ATF dianjurkan oleh Pelancongan Malaysia, Kementerian Pelancongan, Penerbangan Malaysia, Persatuan Hotel Malaysia, Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta), Persatuan Pelancongan Asean (Aseanta), Kerajaan Negeri Kedah dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Esok, Persidangan Pelancongan Asean (ATC) yang dianjurkan oleh Aseanta akan diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini bagi membincangkan pengukuhan dan jalinan ikatan negara-negara Asean untuk mencapai kemakmuran yang lebih besar.

Pada persidangan itu juga, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap taja bertajuk "Travel and Tourism - Bonding Asean for Greater Prosperity" yang antara lain menyingkap peranan sektor pelancongan dalam ekonomi dunia hari ini.

Selain itu, pameran Asean Travel Exchange (Travex) yang disertai kira-kira 400 pembeli produk dan perkhidmatan pelancongan terkemuka dunia akan diadakan selama dua hari mulai esok bagi memberi peluang kepada mereka menerokai peluang perniagaan dengan lebih 400 pertubuhan yang terlibat dalam bidang pelancongan di rantau Asean.

Tinjauan Bernama di sekitar beberapa pusat peranginan di sini mendapati penganjuran ATF merencanakan kembali industri pelancongan di pulau ini yang turut dilanda ombak besar tsunami pada 26 Dis lepas.

Selain tempahan bilik yang memberangsangkan di kebanyakan hotel, pengusaha sektor pengangkutan turut mendapat limpahan rahmat daripada penganjuran program itu.

Timbalan Menteri Pelancongan Datuk Ahmad Zahid Hamidi ketika meraikan wartawan asing dan tempatan yang membuat liputan ATF di sini malam tadi mengakui bahawa aktiviti pelancongan di negara ini kembali pulih setelah orang ramai dimaklumkan bahawa hanya beberapa kawasan sahaja yang terjejas akibat ombak besar itu.

"Pelancong yang menangguhkan percutian mereka itu bukan kerana faktor destinasi tetapi reaksi itu lahir daripada kesan psikologi terhadap kejadian berkenaan," katanya.

Beliau yakin melalui bantuan wartawan terutamanya media asing, keyakinan pelancong akan kembali pulih untuk mengunjungi destinasi pilihan mereka di negara ini dan juga rantau Asean.

-- BERNAMA

ZU ROS